

NO. SOALAN : 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN
ABDUL AZIZ [Tanah Merah]**

TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)

SOALAN :. 47

YB Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah seriusnya pencerobohan nelayan asing dalam perairan negara dan jumlah nelayan asing yang ditangkap serta hukuman yang dikenakan.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Situasi semasa menunjukkan kemasukan bot-bot nelayan asing dalam jumlah yang agak banyak berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada jalinan kerjasama melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan TLDM, PDRM, Jabatan Perikanan, Kastam, Jabatan Laut, Jabatan Perhutanan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Jabatan Taman laut, dan Petronas. Kerjasama *Malaysia Coast Guard* (MCG) dengan TLDM secara khususnya dengan bantuan Jabatan Perikanan dapat meningkatkan pelaksanaan tangkapan yang lebih berkesan terutamanya di kawasan *hotspot* berpandukan peningkatan statistik tangkapan dalam tempoh yang sama bagi tahun 2016 dan 2017 iaitu sehingga Jun 2016 sebanyak 11 pencerobohan bot nelayan asing telah berjaya ditangkap manakala sehingga Jun 2017, sebanyak 65 tangkapan telah dibuat.

Walaupun masih terdapat kemasukan bot-bot nelayan asing di perairan negara namun, keadaan ini masih terkawal dan dapat dipantau oleh MCG.

Selain itu, MCG sentiasa meningkatkan penguatkuasaan di laut bagi menangani pencerobohan nelayan asing dengan melaksanakan pelbagai langkah seperti berikut;

- i. Mempertingkatkan rondaan dan pemeriksaan secara berkala di perairan negara dengan mengoperasikan 7 hingga 10 buah vesel setiap hari di setiap Wilayah sebagai langkah untuk mengawal aktiviti-aktiviti pencerobohan nelayan asing di perairan negara. Kawasan yang menjadi kemasukan pencerobohan bot nelayan asing juga telah dikenalpasti. Dalam pada itu, *Malaysia Coast Guard* juga mengoperasikan sebanyak 9 buah radar di Semenanjung Malaysia, 3 buah radar di Sabah dan 2 buah radar mudah alih mengikut keperluan operasi;
- ii. dengan jumlah aset sebanyak 261 buah, *Malaysia Coast Guard* sentiasa dalam keadaan siapsiaga di laut dan mampu untuk mengekang pencerobohan nelayan asing. Ini termasuk menugaskan *Offshore Patrol Vessel (OPV)* yang dihadiahkan oleh Kerajaan Jepun iaitu KM PEKAN dan KM ARAU yang mampu beroperasi sehingga 200 batu nautika. Pada masa akan datang *Malaysia Coast Guard* akan menerima 6 buah kapal ronda *New Generation Patrol Crafts (NGPC)* (45 meter) dan 3 buah

kapal kelas OPV (85 meter) bagi memperkasakan lagi aset yang sedia ada; dan

- iii. melaksanakan program tahunan iaitu Program Sahabat Maritim bagi menjadikan nelayan sebagai mata dan telinga MCG.

Dalam kes pencerobohan bot nelayan asing (BNA), sebanyak 989 kes tangkapan telah berjaya dilakukan oleh *Malaysia Coast Guard* dengan mengutip hasil sebanyak RM306 juta menerusi denda nelayan asing, kompaun dan lelongan ikan mulai tahun 2006 sehingga Julai 2017. Kesemua kes tangkapan bot nelayan asing yang disabitkan atas kesalahan menceroboh perairan Negara termaktub di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 kerana melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram di perairan negara. Kesemua bot dan kapal yang ditahan akan dilucutkan hak dan dilupuskan. MCG juga turut menghadiahkan bot dan kapal yang dilucut hak kepada agensi kerajaan dan institusi pendidikan untuk tujuan penyelidikan.

MCG memberi jaminan bahawa pencerobohan nelayan asing akan terus dikawal dan memastikan aktiviti-aktiviti mencuri hasil Negara dibanteras.

Sekian, terima kasih.